# inSPIREd™

richworks.com/inspired



## BUSINESS TALK

**9** CARA TERBUKTI BERKESAN BAGI MEMPROMOSIKAN PERNIAGAAN ANDA

TREMENDOUS™ CAFE

# FAIZAL IRMAN

*PONDOK BURUK JADI SAKSI KEJAYAAN*

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya Usahawan Jutawan

13 OKTOBER 2023 | BIL: 17
WWW.RICHWORKS.COM

# USAHA BAYAR HUTANG MELALUI CENDOL

Bermula di pondok buruk, siapa sangka perniagaan cendol tepi jalan yang diusahakan oleh Mohd Faizal Irman (Faizal) ini berkembang maju hingga berjaya membuka dua cawangan kafe di Limbang dan Miri, Sarawak.

Menariknya, pengasas Tremendous Cafe ini pada awalnya memulakan bisnes bukan kerana minat tetapi disebabkan keterpaksaan bagi melunaskan hutang-hutang yang dimilikinya.

"Waktu itu saya perlu beli lampin bayi dan juga susu untuk dua orang anak saya yang masih kecil. Jadi, saya perlu berniaga untuk menambah pendapatan. Saya pun mula menjual cendol di tepi jalan dengan modal sebanyak RM200 pada waktu itu.

"Saya gunakan segala kelengkapan daripada orang tua saya. Di samping itu, saya juga turut menjual jam, kasut dan termasuklah buku Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

"Dari situlah sebenarnya saya belajar bagaimana hendak mulakan perniagaan sebelum menyertai Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) dan Millionaire Marketing Mastery (MMM) di Sabah," kongsi anak jati Sarawak ini.

## TERBANG JAUH KE SHAH ALAM DEMI ILMU

Namun, disebabkan rasa dirinya sudah cukup 'pandai' pada ketika itu, perniagaannya mulai jatuh pada tahun 2018 hingga membuatkannya hampir mahu menutup operasi bisnesnya.

"Tapi, disebabkan saya ingat balik bahawa pentingnya berguru, maka saya nekad untuk hadirkan diri ke IMKK terakhir yang diadakan di Shah Alam pada tahun tersebut.

"Saya ingat lagi waktu itu saya datang sendirian dari Sarawak walaupun tak berduit sangat sebenarnya. Saya duduk pun di hotel murah. Solat di atas katil je sebab memang tak muat.

"Tapi disebabkan saya betul-betul nekad, jadi saya tidak kisah semua itu. Saya tahu saya boleh berubah jadi saya perlukan sesuatu yang boleh ubah saya. Sudah tentulah Dr. Azizan dan RichWorks yang


ANUGERAH
PERDANA BELIA
NEGARA 2022
ANUGERAH
PERDANA BELIA NEGARA
2022
ANUGERAH
PERDANA BELIA
NEGARA

banyak membantu saya. Beliau bagi saya nampak yang saya miliki potensi yang sangat besar," tambahnya.

Selepas menghadiri program tersebut, beliau mula merasai perubahan positif dalam diri serta perniagaannya dan bertekad untuk berusaha bersungguh-sungguh agar dapat menaikkan kembali bisnes yang diusahakan itu.

"Saya belajar semula dan bermula dari saat itu saya berazam untuk berikan yang terbaik demi bisnes yang diterajui.

"Waktu itu saya kembali berbisnes dengan menumpang di kedai orang. Alhamdulillah, jualan saya meningkat semula dan saya memilih untuk sertai SPIRE pada bulan Februari 2019.

"Di bulan Oktober pada tahun yang sama saya dapat sertai program pementoran Titanium (Titan) pula. Di situlah saya capai jualan RM1 juta yang pertama.







"Namun begitu, saya terpaksa keluar daripada Titan setelah wabak pandemik melanda. Lama jugalah saya berdikari di luar tanpa bimbingan.

"Saya ikuti juga kalau RichWorks adakan kelas-kelas percuma hinggalah bila program Nak Ubah Hidup (NUH) diadakan tahun ini, saya ambil keputusan untuk sertai SPIRE kembali. Alhamdulillah, tahun ini kita dah berjaya mencapai RM1 juta pertama," jelas bekas pembantu pentadbir kerani sekolah ini.

## TERUS APLIKASI ILMU YANG DIBERI

Ujar Faizal, banyak perkara yang telah membentuk dirinya pada hari ini sepanjang belajar bersama Dr. Azizan dan RichWorks hingga beliau berjaya meraih Anugerah Perdana Belia dan Anugerah Usahawan Belia Lelaki Sarawak.

"Kalau saya tidak belajar bersama RichWorks, tidak mungkin saya akan terima dua anugerah ini sebab saya aplikasikan apa yang Dr. Azizan ajari. Beliau sering berkata bahawa sebaik-baik manusia adalah yang memberi manfaat kepada orang lain.

"Waktu saya terkeluar daripada Titan, saya menangis tau sebenarnya sebab itu

memang impian saya.

"Tapi, saya tetap pakai segala ilmu yang Dr. Azizan telah curahkan. Saya rekrut ejen secara percuma waktu pandemik dan bantu mereka untuk jual cendol. Saya ajar bagaimana mereka boleh meraih pendapatan secara percuma sahaja.

"Situasi itu sememangnya mengajar saya sesuatu dan menjadi *win* buat saya dalam perniagaan," luahnya lagi.

Semakin matang dalam menguruskan perniagaan, beliau juga sangat gembira apabila dapat melahirkan ramai pemimpin berkaliber dalam syarikatnya yang sudah mampu menguruskan operasi bisnes dengan baik.

"Apa yang saya belajar dalam sesi pementoran bersama Dr. Azizan akan saya kongsikan juga bersama pasukan. Ini bermakna bukan hanya saya seorang saja yang belajar, tapi mereka juga turut sama menimba ilmu.

"Pernah suatu ketika dulu saya tiada langsung jabatan dalam syarikat. Tapi kini saya sudah ada bahagian sumber manusia, chef, pemasaran, operasi dan pembangunan perniagaan.
Bila sudah ada sistem yang sistematik, maka kita tidak akan perlu risau lagi.

"Dulu kalau saya tiada, bisnes tidak boleh berjalan. Tapi sekarang, kalau saya nak pergi Shah Alam sekalipun untuk belajar, kafe tetap boleh beroperasi seperti biasa," tutur jejaka yang pernah berniaga di jalanan selama lima tahun ini.

## BUKAN LAGI TENTANG DIRI SENDIRI

Bakal membuka cawangan kafe yang ketiga di SIRIM Berhad, Shah Alam, Faizal berasa terharu kerana asbab bisnes yang diusahakan ini beliau dapat membantu bapanya yang sakit serta meluangkan lebih masa bersama keluarga tersayang.

"Ayah saya menghidap kanser paru-paru. Jadi, beliau perlu sering berulang-alik ke hospital di Kota Kinabalu, Sabah bagi mendapatkan rawatan.

"Saya rasa Allah izinkan saya untuk









memiliki perniagaan ini adalah bagi memudahkan urusan tersebut. Kalau dulu rasanya tak mampu. Alhamdulillah, kini saya sudah ada *freedom of time and money*.

"Selain itu, antara perkara yang paling terkesan adalah bila saya dapat lihat perkembangan staf saya. Ini bukan mengenai saya lagi. Bila lihat mereka sudah mampu membeli kereta atau motor, perkara itu juga menjadi satu win buat saya.

"Kita bukan hanya menjaga 'periuk nasi' sendiri sebab mereka juga bergantung kepada perniagaan ini.

"Jadi, saya selalu ingin mereka mengerti bahawa buat bisnes ini bukan untuk mengkayakan saya, tapi kita mahu perniagaan ini berjaya agar semua orang boleh maju bersama-sama," jelasnya dengan penuh semangat.

Bagi anda yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Tremendous Cafe, anda boleh layari Facebook Tremendous Cafe untuk mendapat info tentangnya.



## Tremendous Cafe tawar 1,000 gelas cendol RM1 pada 2 Februari

LIMBANG: Walaupun ber-
aya dalam perniagaan cendol
ingga dikenali di peringkat
asional dan luar negara, ahli
erniagaan ini tidak pernah
nelupakan mereka yang
nemerlukan termasuk anak
tim dan pelajar miskin di
erah ini.

Program 1,000 Gelas Cen-
RM1 adalah salah satu
pada inisiatif Mohd Faizal
n yang juga pengasas
nendous Cafe untuk
ktikepada mereka yang
erlukan.

u berkata, pada pro-
yang akan diadakan
Februari depan, para
an setianya termasuk
ara jiran Brunei akan
ng menikmati cendol
anya RM1 berband-
arga asal RM4.50.
alan daripada pro-
anti akan disalur-
anak-anak yatim
r miskin tanpa
ma dan kaum,"
da media di sini,

eramai 20 anak
elajar miskin
Kebangsaan
an dipilih un-
sumbangan berupa hamper dan wang tunai RM30.

Beliau berkata, tarikh 2 Februari dipilih sebagai pelancaran program itu yang amat signifikan bagi meraikan ulang tahun Tremendous Cafe yang ditubuhkan setahun lalu.

"Program 1,000 Gelas Cendol RM1 juga inisiatif kita untuk meraikan para pelanggan setia Tremendous Cafe termasuk dari Brunei Darussalam yang sentiasa bersama kita dari awal penubuhan pada 2 Februari 2019 hingga kini,"ujarnya.

Sehingga kini beliau memberitahu, Tremendous Cafe mempunyai lebih 16,000 pelanggan termasuk lebih 11,000 pelanggan dari Brunei yang sanggup datang ke Limbang semata-mata ingin menikmati cendol di kafenya.

Mohd Faizal berkata, pada masa sama pihaknya juga ingin berkongsi kejayaan dengan para pelanggan dan orang ramai bahawa kaum Bumiputera juga berpeluang berjaya dalam bidang perniagaan.

Turut hadir isterinya yang juga pengasas bersama Fahimah Hamid dan Pengurus Tremendous Cafe Mohd Nizam Irman.

Pada masa ini Tremendous Cafe mempunyai 23 kakitangan.

BERBAKTI: Mohd Faizal (dari lima kanan), Fahimah dan Mohd Nizam bersama kakitangannya yang akan menjayakan Program 1,000 Gelas Cendol RM1 di kafenya baru-baru ini.



## PKP peluang Tremendous Cafe lebar sayap di Limbang, Miri

LIMBANG: "Alhamdulillah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bisnes tidak terjejas dan rancak, saya juga tidak membuang pekerja malah menambah lima lagi pekerja," kata pengasas Tremendous Cafe Mohd Faizal Irman.

Ketika perniagaan dan syarikat swasta lain terkesan dengan pandemik COVID-19 hingga memaksa operasi dikecilkan dan pekerja dikurangkan, Tremendous Cafe semakin rancak mengembangkan perniagaan cendol 'nyayat' (ketagih) selain penambahan menu baharu.

"PKP yang dilaksanakan Mac lepas juga memberi inspirasi kepada saya dan keluarga besar Tremendous untuk membuka satu lagi cawangan di Miri yang dijangka beroperasi pada Ogos atau September nanti," katanya pada majlis pelancaran premis baharu dan strategik Tremendous Cafe bersebelahan bangunan RHB Bank dekat sini, malam kelmarin.

Majlis diserikan dengan kehadiran Wali Kota Majlis Daerah Limbang (MDL) Kaunselor Sufian Mohat dan pengasas bersama yang juga isteri Mohd Faizal, Fahimah Hamid dan Pengurus Tremendous Cafe Mohd Nizam Irman.

Jelas Mohd Faizal, pembukaan Tremendous Cafe di Miri satu langkah awal untuk memperkenalkan Tremendous Cafe sebagai satu jenama cendol nombor satu di Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

"Sambutan dan maklum balas orang ramai terutama penduduk Miri semasa melakukan rakaman secara langsung pencarian premis Tremendous di Miri yang disiarkan dalam Facebook mendapat lebih 50,000 tontonan," katanya.

Mohd Faizal menjelaskan, sehingga ini pihaknya menerima 30 permohonan resume daripada penduduk di Miri yang ingin bekerja di Tremendous Cafe Miri.

"Jika bukan kerana PKP, saya tidak akan terfikir untuk membuka satu lagi cawangan di Miri memandangkan pelanggan Brunei tidak dapat keluar negara akibat pandemik COVID-19," jelasnya lagi.

Berdepan saat sukar ketika PKP dan pandemik COVID-19 yang menyebabkan pelanggan setianya dari Brunei tidak dapat memasuki daerah ini, beliau berkata hubungan rapat bersama pelanggan tetap dikekalkan.

"Walaupun kebanyakan pelanggan setia dari Brunei tidak dapat datang ke Limbang, kita akan sentiasa berhubung melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook.

"Sejak ditubuhkan 2 Februari 2019 Tremendous kini mempunyai 21,000 pelanggan di Limbang, Lawas dan Brunei yang sentiasa dihubungi dari semasa ke semasa," katanya.

Walaupun perniagaannya bertambah rancak, Mohd Faizal berkata, pihaknya akan sentiasa membantu orang lain.

"Pepatah 'sebaik-baik manusia adalah yang bermanfaat bagi orang lain' akan sentiasa menjadi pegangan kerana semakin kita memberi manfaat, semakin besar kejayaan yang kita capai," ujarnya.

Beliau optimis pembukaan Tremendous di Limbang dan Miri akan memberi impak positif dalam menawarkan peluang pekerjaan kepada orang lain.

Pada masa ini Tremendous Cafe Limbang mempunyai 27 kakitangan dan lima penyelia.

MAJU: Faizal (kiri), Sufian dan Nizam bersama-sama memotong kek.

# 3 PESANAN

## 1 TERUSKAN BELAJAR TANPA HENTI

"Dr. Azizan selalu sebut bahawa apa yang kita tahu menentukan berapa pendapatan kita. Itu memang betul. Apa yang saya tahu dulu tidak sama dengan apa yang saya ketahui hari ini.

"Mungkin dulu dapat RM100 ribu, tapi sekarang alhamdulillah kita boleh dapat hampir RM200 ribu sebulan. Sebab itulah kita perlu terus belajar dan belajar," kongsinya.

## 2 BETULKAN *CIRCLE*

"*Circle* itu memang sangat penting. Kalau berada dalam kumpulan yang salah, kita akan susah untuk berkembang," jelasnya.



## 3 PERBAIKI KUALITI KEPIMPINAN

"Apa guna belajar tapi tak buat tindakan?

"Kita perlu pelajari ilmu kepimpinan sebab pastinya kita akan sukar bertahan jika bersendirian. Jadi, adalah penting untuk kita miliki pasukan dan menjadi contoh ketua yang bagus buat mereka.

"Bukan itu saja, kita juga perlu duplikasi dan hasilkan lebih banyak pemimpin syarikat yang bagus untuk kejayaan jangka masa panjang," ujarnya menutup bicara.


BUSINESS
TALK

# 9 CARA TERBUKTI BERKESAN BAGI MEMPROMOSIKAN PERNIAGAAN ANDA

Sememangnya tidak mudah untuk memulakan perniagaan.

Ramai usahawan memulakannya tanpa mengetahui cara mempromosikan perniagaan dengan modal dan kakitangan yang terhad.

Sebenarnya anda boleh mengiklankan perniagaan dan mengembangkannya dengan berkesan dan murah. Malah anda boleh menggunakan cara 'Zero Kos Marketing'.

Bagaimana untuk mengiklankan perniagaan menggunakan modal yang terhad?

Dengan memanfaatkan kuasa teknologi masa kini, terdapat 9 cara yang boleh diguna untuk mempromosikan perniagaan anda tanpa merugikan wang.

## 1 BINA LAMAN WEB DAN BLOG

Dalam dunia teknologi masa kini, pelanggan akan lebih yakin dengan perniagaan yang ada laman web.

Pastikan laman web anda sentiasa aktif dan mempunyai maklumat tentang bisnes anda, maklumat produk atau perkhidmatan serta bahan promosi seperti testimoni dan cara menggunakannya.

Dah ada laman web, jangan lupa tambahkan dengan blog yang penuh dengan topik yang menarik untuk dibaca.

Topik dalam blog tak semestinya tentang produk atau perkhidmatan anda, tapi percayalah jika bahan tulisan anda menarik mereka akan kekal membaca blog anda.

Bila pembaca dah suka, selit topik tentang perniagaan anda serta testimoni pula.

## 2 BERINTERAKSI DENGAN PELANGGAN DI MEDIA SOSIAL

Media sosial adalah salah satu medium untuk Zero Kos Marketing. Hampir semua orang di dunia menggunakan media sosial dalam pelbagai platform.

Jika dulu Facebook dan Twitter adalah dua platform terbesar untuk kebanyakan

perniagaan. Kini, banyak perniagaan sudah mula menggunakan platform Tiktok.

Dah ada media sosial, sediakan *content* yang bersesuaian dengan perniagaan anda. Jangan lupa berinteraksi dengan pelanggan di platform media sosial anda dan pastikan setiap soalan dijawab dengan baik.

## 3 IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA SECARA ONLINE

Terdapat banyak cara untuk mempromosikan perniagaan anda secara *online*.

Ia bukan percuma, tapi dengan sasaran yang betul, anda boleh mengekalkan penggunaan kos yang rendah.

Iklan di Facebook, Instagram serta Tiktok sangat menjadi pilihan usahawan masa kini.

## 4 JANGAN PANDANG RENDAH KUASA EMAIL

Pemasaran melalui email adalah salah satu sumber yang paling berkesan untuk untuk tujuan yang baik serta taktik pemasaran digital yang paling mudah dan berkesan untuk ROI yang tinggi dan cara terbaik untuk mendapatkan pelanggan baru.

Untuk mempromosikan perniagaan anda dengan betul, anda perlu membuat strategi pemasaran email yang ditetapkan.

Hantarkan email yang  berkualiti dan penuh dengan maklumat serta tawaran istimewa.

## 5 CIPTA *CONTENT* YANG BERKUALITI

Sama ada di media sosial mahupun email, *content* bagi mempromosikan perniagaan anda perlulah berkualiti, jelas serta mesra pelanggan. Jangan hanya fokus untuk mengiklankan perniagaan anda.

Sentiasa ingat bahawa setiap *content* berfungsi sebagai wajah pertama perniagaan anda.

Jaga personaliti jenama anda apabila anda berinteraksi dengan orang ramai.

## 6 PELANGGAN SETIA

Orang ramai lebih cenderung untuk membeli produk yang disyorkan oleh sumber yang dipercayai.

Untuk mengetahui cara mempromosikan perniagaan anda, perkara yang anda perlu tahu ialah dengan mencipta pelanggan setia.

Pelanggan yang gembira bukan sahaja akan kembali, mereka juga jurujual terbaik yang boleh membantu perniagaan anda dalam pengiklanan dari mulut ke mulut.

Testimoni pelanggan adalah bentuk pemasaran percuma yang hebat. Masukkan perkongsian mereka ke laman web serta media sosial perniagaan anda.

Pastikan anda memberi ganjaran kepada pelanggan lama ini dengan memberi diskaun, produk percuma atau promosi eksklusif.

## 7 SIAPA *CIRCLE* ANDA?

Berada dalam *circle* yang betul juga adalah salah satu cara *marketing* yang baik.

Cari *circle* yang mampu memberi sokongan serta nasihat yang berguna untuk perniagaan dan fokus untuk memberi nilai kepada orang lain.

Ambil tahu tentang produk atau perkhidmatan mereka dan cara anda boleh membantu promosi perniagaan mereka. Orang putih kata, *give and take*.

## 8 TERLIBAT DENGAN MAJLIS ILMU

Ilmu perniagaan sangat penting untuk setiap usahawan. Malah di RichWorks sendiri terdapat banyak program yang berkaitan dengan ilmu bisnes secara berbayar mahupun percuma.

Jika belum berkemampuan, mulakanlah dengan program percuma.

Kini lebih mudah untuk disertai kerana banyak program dijalankan secara *virtual* tanpa perlu melibatkan kos perjalanan serta penginapan.

## 9 PILIH SIAPA MENTHOR ANDA

Setiap hari, setiap jam malah setiap minit anda pasti mencari tahu bagaimana untuk tingkatkan bisnes. Mungkin ada yang sampai sukar untuk tidur malam memikirkan nasib bisnes.

Dengan adanya bimbingan dari pakar yang sudah mempunyai *proven results*, masalah anda pasti dapat diatasi dengan baik.

Penting untuk anda memilih siapa MenThor anda agar anda tak membuang masa dan wang ringgit yang banyak.

MenThor yang betul akan memastikan anda membelanjakan wang dengan bijak dan dengan cara yang betul dan mampu menilai sama ada usaha pemasaran anda akan berjaya.

> Pelanggan yang gembira bukan sahaja akan kembali, mereka juga jurujual terbaik yang boleh membantu perniagaan anda dalam pengiklanan dari mulut ke mulut.

Perniagaan baru biasanya sangat memerlukan pemasaran yang terbaik dan tidak mempunyai belanjawan yang besar dalam *marketing*. Itu bukan mustahil.

Usahawan yang bijak pasti manfaatkan setiap peluang yang ada bagi mempromosikan bisnes mereka.

Apa yang penting adalah anda sanggup berusaha dan komited untuk berikan 100% komitmen dalam usaha anda untuk berjaya.

Adakah anda salah seorang daripada usahawan yang bijak itu?

*Anjuran Bersama*

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

# 10X SME BINA BISNES BERJAYA 2023

## 25-26 NOVEMBER 2023
## JOHOR BAHRU

## AYUH USAHAWAN JOHOR, KUASAI PEMASARAN, LUASKAN PERNIAGAANMU!

*Bersama*

DATUK WIRA

## DR. AZIZAN OSMAN



binabisnesberjaya.com

RICHWORKS

# EKSKLUSIF!

## GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

## Klinik Usahawan

## SIRI BINA BISNES BERJAYA

*Sesi Transformasi Perniagaan untuk Usahawan SME*



**DATUK WIRA DR AZIZAN OSMAN**
*MenThor Usahawan Jutawan*




**Buku Untuk Usahawan Bakal Jutawan!**

**+**

**Sesi Penilaian Perniagaan Anda berharga RM497**

**100% PERCUMA**

DITAJA OLEH RICHWORKS

**Mohon di: richworks.com/satujutapertama**

inSPIRED™

E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

SPIRE RICHWORKS

RICHWORKS®

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**PENAFIAN :** Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am.
Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.